



15 November 2017
15 November 2017
P.U. (A) 350

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (KOS) 1969

INSOLVENCY (COSTS) RULES 1969

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA INSOLVENSII 1967

[AKTA 360]

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

(Dibuat di bawah seksyen 123)

(Disemak—2017)

*Disemak oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah
seksyen 13 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

Disemak sehingga ... 1 November 2017

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat
kuasanya edisi semakan ini ... 15 November 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini ... 15 November 2017

Dibuat pada 12 Mac 1969 sebagai P.U. (A) 200 tahun 1969

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama

PERATURAN-PERATURAN AM UNTUK PENETAPAN

2. Budi bicara Pegawai Penetapan mengenai fi dan elaun
3. Kos
4. Saraan peguam cara
5. Fi mahkamah dan pembayaran lain
6. Elaun yang dibenarkan oleh mahkamah
7. Pengemukakan baucer pada masa penetapan
8. Bil kos
9. Fi bagi membuat afidavit atau dokumen lain
10. Tiada arahan bagi suatu afidavit yang dibuat oleh peguam cara atau kerani
11. Elaun bagi arahan, membuat afidavit, dsb.
12. Tiada fi yang dibenarkan bagi penyerahan dokumen, penyampaian dan notis jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak
13. Tiada fi yang dibenarkan bagi penetapan jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak
14. Penetapan bil kos bagi peguam cara yang sama yang diguna khidmat bagi dua orang atau lebih
15. Folio
16. Fi am
17. Bantahan kepada penetapan bil kos
18. Semakan penetapan bil kos
19. Permohonan kepada hakim untuk suatu perintah untuk semakan penetapan
20. Tiada keterangan lanjut melainkan jika diarahkan selainnya oleh hakim
21. Elaun kepada saksi

JADUAL

AKTA INSOLVENSİ 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSİ (KOS) 1969

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 123 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

[27 Jun 1969]

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Kos) 1969**.

PERATURAN-PERATURAN AM UNTUK PENETAPAN

Budi bicara Pegawai Penetapan mengenai fi dan elaun

2. Semua fi atau elaun yang merupakan budi bicara boleh, melainkan jika diperuntukkan selainnya, dibenarkan menurut budi bicara Pegawai Penetapan, yang, pada menjalankan budi bicara itu, hendaklah mengambil kira fi dan elaun lain kepada peguam cara, dan peguam jika ada, berkenaan dengan kerja yang baginya mana-mana elaun itu terpakai, jenis dan mustahaknya perkara itu, amaun yang terlibat, kepentingan pihak-pihak, estet atau orang yang akan menanggung kos itu, penjalanan am dan kos prosiding itu dan segala hal keadaan lain.

Kos

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual ini, segala kos yang dilakukan dengan sewajarnya di bawah peruntukan Akta atau Kaedah-Kaedah boleh dibenarkan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*].

Saraan peguam cara

4. Berkenaan dengan urusan yang berkaitan dengan penjualan, pembelian, pajakan, gadai janji dan perkara pemindahhakan lain, dan berkenaan dengan urusan lain yang tidak dijalankan di dalam mahkamah atau di dalam kamar, dan yang bukan selainnya urusan bertikaian, saraan peguam cara hendaklah (sekiranya tiada apa-apa perkiraan yang berlawanan) dikawal selia dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*],

dan di Negeri-Negeri lain menurut peruntukan undang-undang yang bersamaan yang berkuat kuasa di Negeri-Negeri lain itu:

Dengan syarat bahawa, berkenaan dengan penjualan harta yang digadai janji, saraan peguam cara Ketua Pengarah Insolvensi boleh dibayar hanya daripada hasil jualan itu sahaja.

Fi mahkamah dan pembayaran lain

5. Semua fi mahkamah dan pembayaran sewajarnya yang lain boleh dibenarkan sebagai tambahan kepada saraan yang diperuntukkan dalam Jadual ini.

Elaun yang dibenarkan oleh mahkamah

6. Elaun tambahan bagi lamanya masa persidangan, atau elaun lain yang ditambah yang selaras dengan Jadual ini, boleh dibenarkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa elaun sedemikian hendaklah diperintahkan dan diperakui oleh mahkamah pada masa itu, jika tidak segala caj itu tidak boleh dibenarkan.

Pengemukakan baucer pada masa penetapan

7. Baucer untuk semua pembayaran hendaklah dikemukakan pada masa penetapan, jika tidak pembayaran itu tidak boleh dibenarkan.

Bil kos

8. (1) Bil kos hendaklah dibuat atas kertas yang bermutu tinggi dengan saiznya lebih kurang 297mm. (11.69 inci) panjang, 210mm. (8.27 inci) lebar, mempunyai suatu birai tidak kurang daripada 1 inci lebar yang dibiarkan kosong di kedua-dua belah kertas itu dan hendaklah ditulis membujur pada sebelah muka sahaja, dengan membezakan, dengan memasukkan dalam ruang yang berasingan, kos yang dibayar sendiri daripada caj bagi kerja yang telah dilakukan dan masa yang telah digunakan.